

Ulasan buku: Sabah dalam Hubungan Malaysia-Indonesia

ABSTRAK

Buku ini merupakan karya suntingan yang mengupas isu-isu di peringkat mikro ataupun sebagai ‘isu yang terpinggir’ kerana rata-rata penulisan berkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia lebih berfokus kepada hubungan diplomatik antara kedua-dua negara atau seperti yang diistilahkan oleh penulis sebagai sentiasa terbelenggu dalam diskusi lingkungan ‘authority-defined’. Dalam lain perkataan, pendekatan kupasan buku ini ingin membawa para pembaca bebas daripada hanya membincangkan isu-isu berkaitan dengan konflik semata-mata tetapi mengangkat isu-isu berunsur bottom-up kepada suatu ruang perdebatan yang lebih terbuka agar boleh mendatangkan manfaat kepada semua pihak.